

09 FEB 1997

Melaka - hiburan

MELAKA KAJI KEMUNGKINAN TUTUP PUSAT HIBURAN LEBIH AWAL

MELAKA, 9 Feb (Bernama) -- Kerajaan Negeri Melaka mengkaji kemungkinan menutup pusat hiburan lebih awal di negeri ini bagi menangani pelbagai masalah sosial terutama membabitkan golongan remaja masa kini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata hari ini, bahawa sehubungan dengan itu, sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab membuat garis panduan telah ditubuhkan.

Buat masa ini, semua pusat hiburan di negeri itu harus ditutup sebelum jam 1 pagi.

"Jawatankuasa itu bertanggungjawab membuat kajian menyeluruh mengenai kaedah dan langkah terbaik menangani gejala sosial itu," katanya kepada pemberita sempena majlis rumah terbuka Aidil Fitri di kediaman rasminya di Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini.

Beliau berkata demikian sewaktu diminta mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri semalam yang meminta semua pihak mengambil berat dan kerjasama membanteras pelbagai gejala sosial terutama di kalangan remaja Melayu.

Menurut Mohd Zin, jawatankuasa itu dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri, Datuk Mo'min Abdul Aziz dan Mufti Negeri Haji Rashid Redza.

Mohd Zin berkata, semua pusat hiburan di negeri itu beroperasi sehingga jam 2 pagi sebelum perintah penutupan pukul satu pagi dikuatkuasakan pada tahun ini.

Katanya, jawatankuasa tersebut telah diberi tempoh tiga bulan mengadakan kajian menyeluruh berhubung isu itu sebelum mengemukakan laporan kepada kerajaan negeri untuk tindakan selanjutnya.

" Kerajaan negeri berpendapat bahawa tiada guna Malaysia menjadi negara maju jika tak mampu menangani masalah sosial kerana ia sedikit sebanyak boleh menjejaskan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.

Secara keseluruhan, Mohd Zin berkata gejala sosial di negeri ini "tidaklah begitu buruk" tetapi "tidak juga baik" dan pelbagai usaha akan dijalankan menerusi kempen dan khutbah Jumaat serta ciri ceramah oleh pendakwah yang dilantik khusus untuk menangani gejala berkenaan. -- BERNAMA

NO DC